

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10077

SOALAN :

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan dalam menyelesaikan isu sempadan bolos di Sungai Golok sehingga menyebabkan sindiket penyeludupan dadah dan pil kuda begitu berleluasa di sempadan Malaysia- Thailand.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Kedudukan geografi Malaysia yang berjiran dengan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia menjadikan negara mempunyai sempadan darat yang luas dan panjang dengan bentuk muka bumi yang berbeza-beza.

Bagi menentukan keselamatan sempadan negara sentiasa berada dalam keadaan terkawal daripada sebarang bentuk pencerobohan anasir luar dan aktiviti jenayah rentas sempadan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i) bagi kawalan keselamatan di sepanjang sempadan darat negara, ia dikawal secara bersama melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di antara Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) dan juga Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) di kawasan-kawasan yang telah dipersetujui bersama sepanjang sempadan darat Malaysia – Thailand.
- ii) di samping itu, PDRM telah menubuhkan unit risikan sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan

barang terlarang seperti dadah dan senjata api serta memantau bentuk ancaman yang lain. Unit perintis telah ditubuhkan di Negeri Kedah dan telah menunjukkan kesan yang amat positif.

- iii) Kerajaan juga telah menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi meningkatkan kawalan di sempadan dengan menggabungkan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas bagi mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu.
- iv) Kementerian juga sedang meneliti cadangan menaik taraf pagar keselamatan yang sedia ada dan juga pembinaan pagar sempadan baharu di sempadan darat antarabangsa negara Malaysia dan Thailand. Cadangan ini ekoran daripada beberapa insiden yang telah berlaku di sempadan negara dan memastikan insiden sedemikian tidak berulang kembali pada masa hadapan.